



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

TEMA UMUM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu Tema Umum.*
2. *Calon dikehendaki membaca dan meneliti Tema Umum tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.*
3. *Kertas soalan ini mestilah diberikan kepada calon enam minggu sebelum tarikh peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan tema umum diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang **Tema Umum** supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah memastikan calon memilih bahan rujukan yang sesuai, mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. **Guru dilarang sama sekali menyediakan jawapan kepada calon dalam apa-apa bentuk sekali pun**
6. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperoleh daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **tema umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan tema umum yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **tugasan spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapat sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan / bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan / bilik peperiksaan.
7. Penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon yang lain.

Tema Umum :**Pembinan Negara dan Bangsa
ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat**

Pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.

KERTAS SOALAN TAMAT